

MYRUMAH



Orang ramai mendengar penerangan ketika mengunjungi ruang pameran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), semalam.

Tiga konsep tulang belakang ekspo

NSTP bergerak ikut platform pameran, pendidikan, hiburan sedia liputan terbaik

Oleh Nurhayati Abillah dan Faris Fuad
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Konsep Pameran, Pendidikan dan Hiburan menjadi tulang belakang ekspo MyRumah 2017 anjuran The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd (NSTP).

Ketua Pegawai Eksekutif NSTP, Datuk Abdul Jalil Hamid, berkata NSTP sebagai penganjur utama MyRumah akan bergerak mengikut tiga konsep berkenaan bagi menyediakan liputan terbaik kepada pemaaju pempamer.

Menerusi MyRumah, katanya, pemaaju berkenaan diberi platform untuk meningkatkan kesedaran dan publisiti projek perumahan masing-masing.

"Pengunjung dan pembeli berpotensi bukan saja mendapat peluang melihat pelbagai model dan reka bentuk rumah, malah boleh melihat kemudahan ditawarkan berdekatan kawasan dimahukan.

"Mereka boleh mendapat nasihat dan maklumat mengenai skim kewangan ditawarkan bank.

Penuhi impian miliki rumah

"Ia membantu mereka memenuhi impian membeli rumah mengikut bajet sesuai," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran MyRumah 2017 edisi keempat yang disempurnakan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar, di sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara,

K N Jayaselan; Ketua Pegawai Komersial NSTP, Alfian Abu Talib; dan Pengarang Eksekutif (Berita, Rencana dan Digital) BH, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman.

Abdul Jalil berkata, elemen paling ketara dalam penganjuran MyRumah ialah pendidikan mengenai perumahan yang diketengahkan dalam forum khas sepanjang penganjuran MyRumah 2017.

19 pakar perumahan kongsi pengetahuan

"Seramai 19 pakar perumahan akan berkongsi pengetahuan menarik membabitkan isu hartanah, undang-undang, cukai, strategi sewaan, reka bentuk dalaman dan tips serta strategi dan peluang melabur dalam pasaran hartanah.

"Elemen hiburan dapat dilihat dalam pelbagai aktiviti untuk kanak-kanak seperti pertandingan mewarna dan sesi permainan dianjurkan khas oleh MyRumah," katanya.

MyRumah siri keempat berlangsung di The Curve, Mutiara Damansara, di sini selama tiga hari bermula semalam.

Ia dibuka secara percuma bermula jam 10 pagi hingga 10 malam.

Tiga siri MyRumah yang diadakan sebelum ini di Bangsar, Johor Bahru dan Alor Setar menarik 15,000 pengunjung dengan 67 unit hartanah terjual bernilai RM30 juta.

MyRumah kali ini yang menawarkan lebih 3,500 unit rumah membabitkan masing-masing tujuh syarikat pemaaju dan agensi lain seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional serta Amanah Raya Berhad dan Bank Muamalat.

Info

Program MyRumah hari ini

→ **11 pagi:** Forum Lepro ProTech 3: Menambah nilai hartanah anda melalui teknologi

→ **12 tengah hari:** GRAB: Jadi pemandu Grab untuk menambah pendapatan

→ **1 petang:** Profesor Max



Noh diiringi Abdul Jalil bersama pemaaju yang mengambil bahagian selepas merasmikan majlis pelancaran MyRumah 2017 edisi keempat di Petaling Jaya, semalam.



Orang ramai meneliti risalah yang disediakan pemaaju ketika mengunjungi pameran MyRumah.



myrumah
2017 • PAMERAN HARTANAH
6-8 OKTOBER 2017
10.00 PAGI - 10.00 MALAM
THE CURVE, MUTIARA DAMANSARA

MYRUMAH

Shangkar (CEO MCM Holdings Ltd): Strategi 2018 kemudahan pelajar dan ekopelembangan

2 petang: Vince Chia (CEO Diligent Planners Sdn Bhd): Memahami bayaran tepat untuk CCRIS

3 petang: Datuk Seri Matthew Yeoh (Pengerusi ASEAN Legal Alliance): Kesan sosio politik OBOR

4 petang: Forum Lepro ProTech 4: Sewa untuk beli rumah idaman secara dalam talian

5 petang: Khalil Adis (Pengasas

Khalil Adis Consultancy): Pembangunan berorientasikan transit

6 petang: Warrick Singh (Pengarah Asian Land Realty Sdn Bhd): Kitaran hartanah kepada pembeli bijak

7 malam: Prof Joe Choo (Presiden Institut Sains Geomansi): Memupuk tenaga positif memperkayakan hidup anda

8 malam: Awang Musran Tawil (Ketua Perbankan Pengguna Bank Muamalat): Rumahku ATM, Mesinku

(FOTO SALHANI IBRAHIM/BH)



(FOTO ASYRAF HAMZAH/BH)



Pengunjung pada majlis perasmian siri keempat MyRumah di The Curve, Mutiara Damansara.



Organisasi media wajar hanya iklankan pemaju miliki permit

Petaling Jaya: Organisasi media wajar memberi pertimbangan untuk hanya mengiklankan pemaju hartanah yang memperoleh Permit Iklan dan Lesen Pemaju (APDL).

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Tan Sri Noh Omar, berkata pihaknya akan mengedarkan surat pekelling panduan siaran iklan kepada syarikat media, minggu depan.

Katanya, antara lain ia menyatakan syarikat atau pemaju perumahan perlu memiliki APDL sebelum dibenar mengiklankan projek atau program perumahan menerusi saluran media.

Perlu dapat kelulusan KPKT

Beliau berkata, pekelling itu dikeluarkan sebagai usaha kerajaan membendung penipuan penjualan hartanah berikutan ada segelintir pihak tidak bertanggungjawab menggunakan platform media dan individu kenamaan bagi meyakinkan orang ramai.

"Syarikat perumahan perlu mendapat kelulusan KPKT dan pemaju akan diberi satu APDL menerusi Peraturan 5 Akta 118 sebelum dibenar membuat iklan dalam saluran media.

"APDL diwajibkan kepada pemaju yang membina lebih empat rumah dan mesti mendapat kelulusan KPKT," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan siri keempat ekspo hartanah MyRumah 2017 anjuran Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd (NSTP) di sini, semalam.

Noh berkata, orang ramai yang menjadi mangsa kes penipuan penjualan hartanah dialu-alukan memohon bantuan kementerian menerusi Skim Pinjaman Perumahan.

"Skim berkenaan menyediakan peruntukan pinjaman perumahan sebanyak RM60,000 yang perlu dibayar secara ansuran bulanan.

"Antara syarat memohon skim itu termasuk memiliki tanah sendiri dan pendapatan isi rumah kurang RM3,000," katanya.

Berucap pada majlis pelancaran, Noh berkata, pameran MyRumah adalah inisiatif membanggakan sektor swasta untuk membantu kerajaan melaksanakan agenda perumahan negara.

"Usaha syarikat NSTP menganjurkan pameran hartanah seumpama ini diharap dapat menyumbang kepada pembangunan pasaran rumah mampu milik di Malaysia," katanya.



Pekelling itu dikeluarkan sebagai usaha bendung penipuan penjualan hartanah berikutan ada segelintir pihak tidak bertanggungjawab guna platform media dan individu kenamaan bagi yakin orang ramai"

Noh Omar,
Menteri Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan